


KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	6/2/2017	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JAS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Foto: IHSAN PEMBACA



FENOMENA pesisir Pantai Balok berbuih yang tular di media sosial.

Pantai berbuih

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Kuaratan

Fenomena gumpalan buih yang didakwa berlaku di Pantai Balok, di sini, berkemungkinan hasil tindak balas air dan lelembak pasir pantai.

Foto fenomena itu yang tular di media sosial sejak keahlanin menyebabkan orang ramai terutama pengunjung pantai berkenaan tidak melepaskan peluang merakamkan gambar. Difahaman, fenomena itu berlaku sejak tiga hari lalu

■ Hasil tindak balas air laut, lelembak pasir tidak mudarat

sebelum ia tular dan mengundang pelbagai reaksi netizen.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pahang Rosli Zul berkata, pihaknya bagaimana pun tidak menerima sebarang maklumat atau laporan mengenai kejadian yang didakwa berlaku di Pantai Balok.

"Kami dari jabatan Alam Sekitar tidak terima maklumat, tetapi fenomena itu tidak mustahil berlaku kerana sebelum ini ia pernah berlaku di Telok Panglima

Garang, Selangor," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, fenomena gumpalan buih tidak membahayakan orang ramai kerana ia berlaku hasil tindak balas alam dan beberapa sumber lain.

Sementara itu, penduduk, Abbas Samad, 36, ketika ditemui di kawasan pantai berkenaan berkata, dia mengetahui mengenai fenomena tersebut apabila dimaklumkan rakam peniaga lain.

“Fenomena itu tidak mustahil kerana sebelum ini ia pernah berlaku di Telok Panglima Garang Rosli Zul”



Abbas yang juga peniaga layang-layang di kawasan berkenaan berkata, bagai manapun ketika kejadian,

dia tidak berada di kawasan itu sehingga dimaklumkan rakam.

"Saya dengar mereka cerita banyak gumpalan buih di kawasan pantai ini dan saya tidak tahu bagaimana ia terjadi," katanya.

Tinjauan Harian Metro, semalam, mendapati fenomena gumpalan buih itu sudah tiada dan orang ramai menurkan aktiviti di kawasan pantai berkenaan seperti biasa.